



PGT219  
PENGANTAR KAEDAH MENGAJAR ILMU KEMANUSIAAN

(Kemahiran Menggunakan Contoh dan  
Mengemukakan Soalan)

Nama Pensyarah:

Dr. Kong Kim Lain

Nama Pembentang:

MOHD. DANIEL ESHSAQ BIN ABDULLAH (I36387)

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI (I36361)

# Definisi Kemahiran Mengemukakan Soalan

Proses penyoalan adalah salah satu kemahiran untuk mencungkil dan meneroka pemahaman pelajar terhadap pelajaran yang dipelajarinya.

In classroom settings, teacher questions are defined as instructional cues or stimuli that convey to students the content elements to be learned and directions for what they are to do and how they are to do it.

Penyoalan adalah strategi pengajaran yang menggunakan soalan-soalan yang memandu pelajar ke arah memahami perkara yang diajar.

Mudahnya Mengajar  
(Mohd Razali Kamaruddin, 2010)

Classroom Questioning  
(Kathleen Cotton, 2010)

Pengajaran dan Pembelajaran  
(Noraini Idris & Shuki Osman, 2009)

Kebolehan menyoal adalah penting untuk menghasilkan pemikiran yang tajam, kritis, kreatif dan reflektif

Kaedah soal jawab adalah sejenis interaksi pengajaran dan pembelajaran antara guru dengan pelajar, dan antara pelajar dengan pelajar

Salah satu faktor yang menyumbang kepada pengajaran berkesan ialah kebijaksanaan guru menggunakan kemahiran menyoal.

Kaedah ini membantu pelajar dalam mengingat kembali segala faktor dan pengajaran guru

Lazimnya dalam bidang pendidikan, soalan yang dibina mengaplikasikan aras domain kognitif oleh Bloom (1956) yang dihasilkan semasa membina objektif pendidikan domain kognitif.

Guru yang bijak mengemukakan soalan kepada pelajar mampu menggalakan pembelajaran pelajar

Kemahiran Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru (Tengku Sarina Aina Tengku Kasim, Yusmini Md. Yusoff, 2016)

Mudahnya Mengajar  
(Mohd Razali Kamaruddin,  
2010)

Pengenalan Pedagogi (Esah Sulaiman, 2004)


# Kemahiran Mengemukakan Soalan juga ...


Merupakan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran

Dalam induksi set, atau peringkat permulaan pengajaran, kemahiran menyoal digunakan untuk mengingat kembali ilmu pengetahuan yang lepas

Peringkat perkembangan, penyoalan digunakan untuk mencungkil fikiran pelajar supaya mengikuti pelajaran

Peringkat penutup, penyoalan adalah untuk menilai pencapaian objektif pelajaran





Mudahnya Mengajar  
(Mohd Razali Kamaruddin, 2010)

# Jenis Soalan

## SOALAN KONVERGEN

Hanya mempunyai satu jawapan atau jawapan yang terbaik sahaja

## SOALAN DIVERGEN

Mempunyai pelbagai bentuk jawapan yang sesuai dan terbuka

## SOALAN BERFOKUS

Bertujuan untuk memfokuskan perhatian pelajar dalam pengajaran. Sebagai contoh, soalan menarik perhatian semasa memulakan pengajaran dan menguji kefahaman pelajar

## SOALAN DORONGAN (Prompting Questions)

Guru memberi petunjuk atau bantuan kepada pelajar untuk menjawab soalan

## SOALAN MENDUGA (Probing Questions)

Soalan ini dikemukakan bagi menggalakkan murid memberi keterangan tambahan, seperti menyuruh murid mengilustrasikan jawapannya kepada contoh-contoh

Methods of for  
Effective Teaching  
(Paul R. Burden &  
David M. Byrd, 2003)

# PRINSIP-PRINSIP PENYOALAN

## 1. PEMBENTUKAN SOALAN

- Aras soalan yang dikemukakan sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman
- Merancang jenis-jenis soalan yang sesuai dengan isi pengajaran
- Perkataan dan istilah yang digunakan dalam soalan mestilah mudah difahami
- Bentuk soalan mesti diubah dari semasa ke semasa
- Bentuk soalan mesti ringkas tepat dan jelas



# PRINSIP-PRINSIP PENYOOALAN

## 2. TEKNIK MENGEMUKAKAN SOALAN

- Guru perlu mengemukakan soalan terlebih dahulu, dan memberi masa kepada pelajar untuk berfikir dan seterusnya memanggil nama pelajar untuk jawab soalan
- Soalan harus disebar ke seluruh kelas
- Bagi memastikan pelajar menumpukan perhatian kepada sesi pembelajaran, guru boleh memanggil nama pelajar lain secara rawak untuk mengulang jawapan seseorang pelajar itu.

# PRINSIP-PRINSIP PENYOOALAN

## 3. TEKNIK MERESPON JAWAPAN PELAJAR

- Pujian perlu diberikan kepada pelajar yang telah memberi jawapan yang betul.
- Guru perlu mengelakkan amalan mengulangi jawapan pelajar kerana pelajar lain tidak akan mempedulikan pelajar yang menjawab soalan dan hanya menunggu guru mengulangi jawapan pelajar.
- Melarang pelajar memberi jawapan secara beramai-ramai.
- Guru harus elakkan diri daripada merendah-rendahkan pelajar yang memberi jawapan yang salah bagi mendorong pelajar untuk jawab soalan guru.

# SEBAB GURU MEMERLUKAN KEMAHIRAN PENYOALAN


- Morgan dan Saxton (1991), Cotton (2001), dan Brualdi (1998) menggariskan tujuan guru perlu kemahiran menyoal dalam pengajaran.

TUJUAN	KAEDAH
Menyemak kemajuan pelajar	<ul style="list-style-type: none"><li>•Ulang kaji pelajaran</li><li>•Menaksir penguasaan pelajar</li></ul>
Menggalakkan suasana pembelajaran pelajar	<ul style="list-style-type: none"><li>•Menggalakkan pelajar berfikir dan sifat ingin tahu.</li><li>•Menggalakkan penglibatan pelajar.</li><li>•Meningkatkan minat dan motivasi pelajar.</li></ul>
Memantau pembelajaran pelajar	<ul style="list-style-type: none"><li>•Menyemak masalah pembelajaran pelajar.</li><li>•Pantau pembelajaran pelajar.</li><li>•Mengurus bilik darjah.</li></ul>

# KOMPONEN KEMAHIRAN MENYOAL

BIL	KOMPONEN	CONTOH
1	Pembentukan soalan (kualiti soalan)	Jelas, tepat, dan ringkas
2	Fokus (tunggal)	Soalan tertumpu kepada 1 idea (soalan konvergen)
3	Fokus (pelbagai)	Soalan tertumpu lebih daripada 1 idea (soalan divergen)
4	Sebaran	Soalan disebarikan kepada seluruh kelas
5	Hentian	Memberi masa kepada murid memikirkan jawapan
6	Melayani jawapan	Memberi pujian, melengkapkan jawapan, dan memperbaiki jawapan
7	Memberi petunjuk jawapan	Memberi petunjuk untuk membantu murid
8	Mencungkil jawapan	Mengemukakan satu siri soalan untuk mencungkil fikiran

# PERINGKAT DAN JENIS PENYOALAN MENGIKUT (TAKSONOMI BLOOM)



# PENGETAHUAN (KNOWLEDGE)

- Soalan berbentuk mengingat kembali fakta yang mana pelajar hanya menyebut semula atau mengulangi semula apa yang telah mereka pelajari.
- Kata kerja yang digunakan: namakan, berikan, nyatakan, terangkan, terangkan, senaraikan, siapa, apa, bila, mana dan sebagainya.
- Contoh: Berikan maksud fotosintesis.

# KEFAHAMAN (UNDERSTANDING)

- Soalan aras ini menguji pemahaman pelajar terhadap sesuatu fakta, konsep, prinsip atau isi pelajaran yang telah dipelajari. Jawapan kepada soalan ini memerlukan sedikit huraian, penerangan atau penjelasan.
- Kata kerja yang digunakan: terangkan, huraikan, ringkaskan, nyatakan, tukarkan, jelaskan, mengapa dan sebagainya.
- Contoh: Huraikan kaedah percambahan biji benih

# APLIKASI (APPLICATION)

- Soalan aras aplikasi menguji kebolehan pelajar untuk menggunakan fakta, konsep, prinsip, kemahiran atau isi pelajaran yang telah dipelajari untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan.
- Kata kerja yang digunakan: bagaimana, selesaikan, carikan, kirakan, gunakan, dan sebagainya.
- Contoh: Ayah anda baru hendak memulakan perniagaan runcit. Bagaimanakah anda dapat membantu ayah anda mendapatkan lesen perniagaan?



# ANALISIS (ANALYSIS)

- Soalan dibentuk mengkehendaki pelajar mengenal pasti petalian idea, mencari persamaan atau perbezaan yang wujud antaranya. Soalan ini juga digunakan untuk membezakan antara fakta, pendapat, andaian atau rumusan yang dibuat.
- Kata kerja yang digunakan: bandingkan, bezakan, analisiskan, mencerakinkan, mengasingkan, membahagi dan sebagainya.
- Contoh: Bandingkan kelebihan mananam tanaman menggunakan biji benih dengan pembiakan aseks.

# SINTESIS (SYNTHESIS)

- Soalan yang memerlukan pelajar mengumpulkan atau menyatukan maklumat, pengetahuan dan kebolehan daripada bahagian-bahagian yang telah dipelajari dan sesuatu mata pelajaran untuk membentuk sesuatu yang baharu atau asli.
- Contoh: Dalam satu ujian percambahan biji benih, pada hari kelima biji benih yang dibungkus dengan kapas lembab dan diletakkan di atas meja telah bercambah. Tetapi, biji benih yang dibungkus dengan kapas lembab dan disimpan dalam peti sejuk tidak bercambah. Apakah rumusan yang boleh anda buat?

# PENILAIAN (EVALUATING)

- Soalan pada aras ini memerlukan pelajar membuktikan, mengesahkan, memberi pendapat atau hujah, mengkritik, memberi komen dan menilai sesuatu pernyataan, ciptaan, karya, prinsip, teori dan sebagainya.
- Contoh: “Pertanian Suatu Perniagaan”. Apakah pendapat anda?

# MENCIPTA (CREATING)

- Menyatukan elemen-elemen untuk membentuk satu gagasan umum yang berkoheren atau berfungsi, menyusun atur elemen ke bentuk atau struktur baru melalui penjanaan, perancangan dan penghasilan.
- Kata kerja yang digunakan: rekakan, binakan, rancangkan dan hasilkan.
- Contoh: Apakah yang berlaku sekiranya ...



**TEKNIK  
PENYOALAN  
BERKESAN**

# TEKNIK PENYOALAN BERKESAN

Soalan guru perlulah jelas

Masa menunggu 1  
(3 – 5 saat)  
Masa menunggu 2  
(+3 – 5 saat)

Galakkan pelajar beri respon dan buka peluang kepada mereka untuk tawarkan diri

Guru boleh memanggil nama pelajar (call-out) untuk menjawab soalan secara terkawal

Maklum balas guru tidak bersifat diskriminasi. Pujian dan kritikan perlu diberi.

Galakkan pelajar kemukakan soalan sebagai tanda penglibatan pelajar.



# PENGARUH MASA MENUNGGU

# Maksud Masa Menunggu

- ✓ Konsep masa menunggu merupakan satu pemboleh ubah dalam penyoalan (Rowe1972)
- ✓ Dua jenis penyoalan:
  - a. Tempoh masa yang diberikan kepada pelajar selepas mengemukakan soalan
  - b. Tempoh masa sebelum pelajar meneruskan penjelasan jawapan.
- ✓ Tempoh masa yang tidak diganggu dan berkeadaan senyap supaya berpeluang untuk memproses maklumat dengan berkesan tentang soalan yang diberi oleh guru.
- ✓ Kebiasaan masa menunggu 3 saat dan ia juga bergantung kepada pencapaian pelajar dan tahap kesukaran soalan.



# Sebab Perlunya Masa Menunggu

- ✓ Pelajar dapat memberi respons yang lebih panjang, terperinci dan berperingkat kognitif yang lebih tinggi.
- ✓ Kekerapan jawapan “saya tak tahu” atau tiada jawapan akan berkurang.
- ✓ Lebih banyak bukti atau contoh yang diberikan oleh pelajar.
- ✓ Meningkatkan kadar penglibatan pelajar dalam menjawab soalan.
- ✓ Meningkatkan peluang interaksi antara guru dengan pelajar.
- ✓ Guru dapat mengemukakan soalan lanjutan berdasarkan respon atau jawapan yang diberikan oleh pelajar.

# Masa Menunggu yang Sesuai Diperuntukkan

- ✓ Selepas guru mengemukakan soalan kepada pelajar, wajar diberi tempoh masa menunggu yang sesuai (3 saat atau lebih).
- ✓ Masa menunggu diperlukan apabila pelajar berhenti seketika semasa menjelaskan jawapan.
- ✓ Masa menunggu diperlukan selepas pelajar memberi jawapan kerana kemungkinan pelajar lain ingin memberi pandangan atau pendapat yang berbeza,
- ✓ Tempoh masa menunggu yang munasabah diberikan kepada pelajar apabila disoal tentang penyelesaian sesuatu tugas yang ringkas.

Mudahnya Mengajar  
(Mohd Razali Kamaruddin, 2010)

Pengajaran dan Pembelajaran  
(Noraini Idris & Shuki Osman, 2009)

# Masa Menunggu Dilaksanakan

- ✓ Soalan yang susah dan kompleks diberi tempoh menunggu yang lama berbanding soalan yang mudah.
- ✓ Guru perlu menyatakan kepada pelajar sekiranya memberikan soalan yang kompleks dan memerlukan masa untuk berfikir.
- ✓ Teknik pembelajaran aktif dapat dibuat apabila guru memberi masa beberapa minit untuk menulis jawapan secara kumpulan.
- ✓ Guru perlu menerangkan tujuan utama masa menunggu diberikan supaya pelajar dapat berfikir dengan teliti sebelum menyatakan respon.

# Definisi Kemahiran Menggunakan Contoh

Pelajar bukan sahaja terlibat aktif dalam pembelajaran tetapi juga guru dapat menilai kefahaman pelajar dan menilai pencapaian objektif pengajaran

Contoh yang tepat dan pelbagai dapat meningkatkan kefahaman pelajar tentang suatu tajuk yang diajar.

Contoh yang hendak digunakan mestilah disediakan agar ia berfungsi memudahkan pelajaran memahami isi yang hendak disampaikan

Contoh tidak semestinya daripada guru sahaja tetapi pelajar juga digalakkan untuk memberi contoh

Contoh-contoh yang digunakan hendaklah mudah dan dekat dengan pelajar daripada yang diketahui kepada yang tidak diketahui

Psikologi Pendidikan (Shahabuddin Hashim et al., 2007)

Pengenalan Pedagogi (Esah Sulaiman, 2004)


# Objektif Kemahiran Memberi Contoh

Dapat menerangkan dan menjelaskan konsep dan pengajaran dengan lebih nyata.

Dapat membantu pelajar menangkap fakta dan bahan pengajaran guru dengan kukuh.

Dapat mengekalkan minat dan perhatian pelajar terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dan pembelajaran dapat dipercepatkan dengan contoh yang telah diberikan oleh guru.



Prinsip  
Kemahiran  
Memberi  
Contoh

- ✓ Guru perlu menggunakan contoh yang senang dahulu.
- ✓ Guru perlu memberi contoh yang selaras dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid.
- ✓ Guru perlu memberi contoh yang berkaitan dengan prinsip, konsep, bahan pengajaran dan fakta yang sedang dipelajari oleh murid.
- ✓ Semasa guru memberi contoh, guru perlu memerhatikan tindak balas lisan pelajar. Tindak balas yang ditunjukkan oleh murid dapat memberi imbasan kepada guru samaada contoh yang diberi sesuai atau tidak.
- ✓ Jika isi kandungan pengajaran tidak difahami oleh murid, guru perlu memberi contoh yang lain untuk kefahaman pelajar.



# Kesan Kemahiran Memberi Contoh



Pelajar dapat memahami sesuatu pengajaran melalui contoh dalam bentuk gambar rajah, ilustrasi dan sebagainya.

Pelajar menganggap pengajaran lebih mudah lagi dan menaruh minat terhadap bidang pelajaran itu.

Dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru

Kefahaman pelajar terhadap guru akan menjadi lebih cepat dan berkesan lagi.